



Mencipta Peluang
Mencapai Gemilang

KOD ETIKA DAN INTEGRITI MAHASISWA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN







KOD ETIKA DAN INTEGRITI MAHASISWA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2026

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan

HAK CIPTA

Hak cipta UMK, 2026

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Judul: Kod Etika Integriti Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan
No. eISBN: 978-629-7867-03-8

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel: +609-779 7015
E-mel: bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh;

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel: 09-7797424
E-mel: hepa@umk.edu.my
Website: hepa.umk.edu.my



ISI KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| PRAKATA NAIB CANSOLOR | 06 |
| PRAKATA TIMBALAN NAIB CANSOLOR HEPA | 07 |
| SIDANG EDITORIAL | 08 |
| JAWATANKUASA <i>TASKFORCE</i> | 09 |
| VISI, MISI DAN MOTO | 10 |
| BAHAGIAN 1: KOD ETIKA UMUM | 11 |
| BAHAGIAN 2: KOD ETIKA AKTIVITI KURIKULUM DAN KOKURIKULUM | 17 |
| BAHAGIAN 3: KOD ETIKA PERHUBUNGAN | 21 |
| BAHAGIAN 4: KOD ETIKA RESIDENSI DAN NON-RESIDENSI | 25 |
| BAHAGIAN 5: KOD ETIKA PENAMPILAN PELAJAR | 29 |

PRAKATA NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Pertama sekali saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya Buku Kod Etika dan Integriti Mahasiswa ini dapat diterbitkan. Penerbitan buku ini adalah selari dengan Pelan Antirasuah (OACP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Buku ini juga merupakan bukti komitmen Universiti dalam melahirkan pelajar unggul yang penuh etika, adab dan mempunyai sahsiah yang tinggi.

Kod Etika dan Integriti Mahasiswa UMK ini menyentuh pelbagai perkara yang boleh menjadi panduan kepada pelajar UMK, termasuklah daripada aspek etika dalam kurikulum, kokurikulum, perhubungan antara sesama warga kampus, penginapan dan juga penampilan diri. Pelajar hendaklah sentiasa menampilkan kewibawaan peribadi tinggi yang melambangkan kecemerlangan dan sikap bertanggungjawab yang boleh dicontohi secara konsisten dan berkesan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan seluruh warga Universiti yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam menyiapkan buku ini. Akhir kata, saya berharap para pelajar menggunakan sepenuhnya buku ini dalam mendidik diri menjadi pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam akademik malah cemerlang peribadi.

**DATO' PROF. IR. TS. DR. ARHAM
BIN ABDULLAH**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

PRAKATA TNCHEPA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Setinggi-tinggi Syukur dipanjatkan ke Hadrat Illahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya penerbitan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa UMK ini dapat direalisasikan dengan kerjasama dan komitmen jitu semua pihak. Penerbitan ini merupakan komitmen warga Hal Ehwal Pelajar untuk memastikan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melahirkan mahasiswa/siswi yang cemerlang sahsiah dan peribadi. Selain itu, penerbitan ini juga bagi menyahut hasrat dan seruan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menyeru semua Universiti Awam (UA) untuk memperkasakan etika dan nilai moral mahasiswa/siswi sekaligus menjurus kepada pembinaan peradaban.

Kejayaan dalam bidang akademik bukan penentu kepada kecemerlangan sahsiah dan peribadi mahasiswa/siswi sehingga ke alam pekerjaan. Menyedari pentingnya pembentukan sahsiah dan peribadi cemerlang, penerbitan ini diharapkan dapat membentuk nilai-nilai murni mahasiswa/siswi sekaligus memacu pembangunan yang seimbang merangkumi pembangunan material, emosi, jasmani dan intelektual. Di samping itu, penerbitan ini juga akan membentuk karakter merangkumi kecemerlangan akademik dan akhlak.

Akhir kata, penerbitan ini akan membantu mendidik mahasiswa/siswi menjadi insan yang dihormati serta disegani merangkumi segenap aspek Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UMK. Justeru itu, penerbitan ini akan mengingatkan mahasiswa/siswi bahawa etika merupakan elemen penting dalam pembentukan moral mahasiswa/siswi dalam era yang sangat mencabar ini sekaligus membentuk mahasiswa holistik yang akan membangunkan negara pada masa akan datang.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea serta pandangan sehingga terhasil naskah yang julung kali diterbitkan di UMK. Semoga segala usaha murni dan keikhlasan sehingga terhasilnya penerbitan ini akan diberikan setinggi-tinggi ganjaran olehNYA kelak.

PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan

PENYUNTING

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT:

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

KETUA EDITOR:

YM Raja Azlan bin Raja Ismail

EDITOR:

Encik Mohd Adli bin Ismail
Dr. Noormariana binti Mohd Din
Dr. Razman Hafifi bin Redzuan
Dr. Amaal Fadhlini binti Mohamed
Dr. Ikram Rauhi bin Che Ibrahim
Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi
Puan Norhazlina binti Ismail

GRAFIK:

YM Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh
Cik Siti Nur Fazlin binti Ahmad

TASKFORCE

AHLI JAWATANKUASA

- Encik Mohd Khir Amin bin Zakarya
- Encik Ahmad Fadzil bin Abd Rashid
- Encik Mohd Tarmizi bin Mohd Yusoff
- Encik Mohd Norhafizan bin Muhammad
- Puan Nur Yuhanis binti Mat Yusoff
- Puan Nor Amiera Saila binti Ramlee
- Encik Mohd Hafizie bin Abd Rahman
- Encik Nik Zul Kamal bin Nik Hassan

VISI

- Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global

MISI

- Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial.

MOTO

"KEUSAHAWANAN TERAS KAMI"

TRANSFORMATIVE * ENTREPRENEURIAL * EXCELLENT



BAHAGIAN 1

KOD ETIKA UMUM

1.1 OBJEKTIF KOD ETIKA DAN INTEGRITI MAHASISWA

Kod Etika dan Integriti ini bertujuan untuk:

- Menggariskan kepentingan amanah dan tanggungjawab setiap pelajar.
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni dan kondusif.
- Mempertingkatkan kecemerlangan dan imej Universiti.
- Menyemarakkan budaya kerjasama, saksama, muafakat dan berfokus kepada kejayaan.
- Membentuk pelajar yang holistik, berdaya saing dan proaktif.

1.2 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Setiap pelajar bertanggungjawab untuk belajar bersungguh-sungguh, mengamalkan kehidupan kampus yang harmoni dan mematuhi segala peraturan Universiti.

Pelajar perlu mengimbangi antara pelajaran dan aktiviti lain seperti bersukan, berpersatuan, memegang jawatan dalam persatuan dan juga berkerja sambil belajar.

1.3 KONFLIK KEPENTINGAN

Pada setiap masa dan setiap keadaan, kepentingan Universiti hendaklah diberi keutamaan. Konflik kepentingan merupakan konflik yang wujud antara tanggungjawab pelajar dan kepentingan peribadi seseorang pelajar di mana pelajar tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi secara salah tindakan dan tanggungjawab beliau.

Pelajar dikehendaki untuk melaporkan sebarang konflik kepentingan atau potensi konflik kepentingan yang berlaku kepada Dekan Fakulti/ Penasihat Kelab/Persatuan.

1.4 KEWIBAWAAN PERIBADI

Pelajar hendaklah sentiasa menampilkan kewibawaan peribadi tinggi yang melambangkan kecemerlangan dan sikap bertanggungjawab yang boleh dicontohi secara konsisten dan berkesan.

1.4.1 Adab

Semua pelajar dikehendaki sentiasa menjaga adab semasa berkomunikasi dengan staf serta pelajar lain. Pelajar juga perlu menyampaikan pandangan atau cadangan secara lisan atau bertulis dengan bahasa yang sopan serta beradab dan berterus terang mengenai identiti sebenar (jika disampaikan secara bertulis). Tindakan ini bagi mengelakkan berleluasanya surat layang (poison letter).

1.4.2 Akauntabiliti

Setiap pelajar hendaklah mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti kepada negara, Universiti, staf dan sesama pelajar.

1.4.3 Kepatuhan Kepada Peraturan

Bagi menjamin keutuhan kewujudan UMK sebagai sebuah organisasi yang dinamik, setiap pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.

Pelajar perlu peka terhadap peraturan, garis panduan dan memo yang dikeluarkan oleh pihak Universiti dan menjadikannya sebagai rujukan agar tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

1.4.4 Kejujuran dan Kesaksamaan

Pelajar tidak boleh terlibat dalam apa-apa bentuk plagiarisme, penipuan, salah nyata secara sengaja, mencuri, frod saintifik, salah guna dan penindasan sesama manusia tanpa mengira latar belakang, bangsa dan agama. Pelajar juga tidak boleh menyalahgunakan sumber Universiti atau sumber milik pihak lain yang diamanahkan dalam penjagaan Universiti.

1.4.5 Penggunaan Kemudahan Universiti

Pelajar hendaklah menggunakan kemudahan Universiti seperti bilik kuliah, kerusi, meja, ruang, kenderaan, makmal, peralatan makmal dan sebagainya dengan bijaksana, selamat dan jimat.

1.4.6 Harta Intelek

Universiti mengiktiraf harta intelek sebagai satu aset yang sangat berharga hasil daripada aktiviti penyelidikan, kreativiti dan inovasi. Semua harta intelek mestilah dilindungi dan dihormati. Kegagalan menghormati harta intelek akan membolehkan tuan punya dan Universiti mengambil tindakan.

Kod ini menetapkan faedah dan hasil harta intelek dikongsi secara bersama oleh pereka, pengarang, pencipta dan Universiti sebagai pemilik berdaftar. Pereka, pengarang, pencipta boleh terdiri daripada staf akademik, pentadbir, pelajar dan penyelidik layak menikmati faedah harta intelek mengikut peratusan sumbangan idea dan kerja masing-masing.

1.4.7 Gangguan Seksual

Pelajar tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain sama ada cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, meminta layanan seksual, melakukan perbuatan bersifat seksual yang menyebabkan seorang yang waras merasa tersinggung, terhina atau terugut.

Gangguan seksual tersebut boleh bersifat lisan, bertulis, perbuatan atau apa-apa cara lain yang membawa maksud yang sedemikian. Gangguan seksual tersebut juga tidak terhad di dalam kampus atau waktu kuliah sahaja.

1.4.8 Buli dan Gangguan Emosi

Pelajar tidak boleh mengasari orang yang lemah (secara fizikal atau emosi) dengan tujuan atau maksud untuk menunjukkan kekuatan diri. Buli bermaksud tingkah laku agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal (emosi) yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dengan tujuan mendatangkan perasaan tidak selesa, aman, tenteram dan harmoni.

Secara keseluruhannya, perbuatan membuli dan membuat gangguan emosi merupakan perbuatan yang tidak baik serta boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada orang lain.

1.4.9 Peraturan Lalu Lintas

Pelajar hendaklah mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan oleh Universiti.

1.4.10 Penyebaran Fitnah

Akta Fitnah 1957 [*Akta 286*] mendefinisikan fitnah sebagai perbuatan yang boleh merendahkan diri seseorang pada mata masyarakat; tindakan yang boleh menyebabkan seseorang dicemuh, dihina, dibenci dan dikeji perlakuan yang boleh merosakkan reputasi dalam jawatan, profesion dan perniagaan seseorang dan bertujuan merosakkan kredibiliti seseorang.

Pelajar adalah dilarang daripada menyebarkan fitnah. Tindakan tegas akan dikenakan kepada pelajar yang melakukan kesalahan menyebarkan fitnah.

1.5 PEMATUHAN UNDANG-UNDANG/ PERATURAN

Kod Etika dan Integriti Mahasiswa ini dibaca bersama dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) [*Akta 30*], Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan dan undang-undang lain-lain yang terpakai di Malaysia selagi ianya tidak bercanggah dengan mana-mana pematuhan undang-undang/ Peraturan di atas.

Sekiranya berlaku percanggahan ataupun pertindihan antara peruntukan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa ini dengan undang-undang/ Peraturan di atas maka peruntukan undang-undang Malaysia adalah terpakai.

Perlanggaran Kod Etika dan Integriti Mahasiswa ini tidak menafikan atau menghalang Universiti daripada mengambil tindakan tatatertib terhadap pelajar.





BAHAGIAN 2

KOD ETIKA AKTIVITI KURIKULUM DAN KO-KURIKULUM

2.1 ETIKA DI DEWAN/ BILIK KULIAH, MAKMAL DAN BENGKEL

- Mematuhi peraturan dewan/ bilik kuliah, makmal dan bengkel.
- Hadir tepat pada/ atau sebelum waktu kuliah/ tutorial bermula.
- Memberikan tumpuan kepada pengajaran dan berpartisipasi semasa kuliah serta tidak mengambil kesempatan semasa pembelajaran secara dalam talian disebabkan bahan kuliah telah tersedia dalam aplikasi.
- Memakai pakaian yang bersih dan sopan mengikut etika berpakaian yang ditetapkan.
- Memberi pendapat/ pandangan/ pertanyaan dengan sopan dan tidak menyinggung perasaan orang lain.
- Jujur dan tidak merekodkan kehadiran rakan yang tidak hadir.
- Menghormati pelajar lain dengan tidak melakukan perbuatan yang dapat mengganggu perkuliahan, contohnya menggunakan telefon bimbit atau alat elektronik lain ketika kuliah/ tutorial sedang berjalan.
- Tidak merokok atau menghisap vape.
- Menggunakan dan menjaga aset/ inventori dengan baik.
- Tidak melakukan perbuatan dan tindakan yang membahayakan diri dan rakan khususnya semasa menggunakan peralatan bengkel/ makmal.
- Sentiasa menjaga kebersihan dewan/ bilik kuliah, makmal dan bengkel dan tidak melakukan tindakan vandalisme.

2.2 ETIKA DALAM MENYIAPKAN TUGASAN

- Mengelakkan sikap sambil lewa semasa menyiapkan tugas seperti tugas kertas projek atau latihan ilmiah atau mengambil jalan mudah dalam menyiapkan sesuatu tugas yang diamanahkan.
- Menyelesaikan tugas mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Melaksanakan tugas dengan jujur serta mengelakkan plagiarism iaitu mencuri hasil karya atau idea orang lain dan tidak memberi pengiktirafan terhadap penulis asal sumber atau idea yang diambil serta tidak melakukan plagiat.
- Melaksanakan tugas mengikut arahan/ ketetapan/ format yang ditetapkan
- Tidak mengamalkan unsur rasuah seperti menjanjikan apa-apa ganjaran kepada pihak yang memberikan penilaian kepada tugas.
- Tidak mengupah orang lain menyiapkan tugas.

2.3 ETIKA DALAM MENGIKUTI UJIAN/ PEPERIKSAAN

- Hadir ke sesi ujian/ peperiksaan lebih awal/ mengikut masa yang ditetapkan.
- Jujur dan tidak melihat buku atau sumber lain yang tidak dibenarkan semasa ujian peperiksaan, kecuali peraturan membenarkannya.
- Tidak mengganggu pelajar lain yang sedang mengikuti ujian peperiksaan
- Tidak mengamalkan unsur rasuah seperti menjanjikan apa-apa ganjaran kepada pihak yang memberikan penilaian kepada ujian/ peperiksaan.

2.4 ETIKA DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM

- Mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam setiap acara sukan/ aktiviti kokurikulum.
- Mengamalkan toleransi yang tinggi dalam setiap acara/ pertandingan.
- Menjaga sopan santun dalam tutur kata dan perbuatan dalam setiap acara/ pertandingan.
- Menghindari daripada perbuatan yang membawa kecelakaan/ kerugian kepada diri sendiri/ rakan/ pasukan/ universiti.
- Menjaga imej dan nama baik universiti.
- Tidak menjanjikan atau memberikan wang atau apa-apa ganjaran lain dengan tujuan untuk mendapatkan keistimewaan dalam acara sukan/ aktiviti kokurikulum.



BAHAGIAN 3 KOD ETIKA PERHUBUNGAN

3.1 ETIKA DALAM PERHUBUNGAN DENGAN PENSYARAH

- Memberi tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bersama pensyarah
- Menghormati semua pensyarah tanpa membezakan agama dan kaum serta tidak didasari atas perasaan suka atau tidak suka.
- Bersikap sopan santun semasa berinteraksi dengan pensyarah baik di dalam kampus mahupun di luar kampus.
- Menjaga nama baik dan maruah pensyarah serta keluarga mereka.
- Tidak menjanjikan atau memberikan wang atau apa-apa ganjaran lainnya kepada pensyarah dengan tujuan untuk mempengaruhi penilaian pensyarah.

3.2 ETIKA DALAM PERHUBUNGAN DENGAN STAF PENTADBIRAN

- Menghormati semua staf pentadbiran tanpa membezakan agama, kaum, status sosial dan tidak didasari atas perasaan suka atau tidak suka.
- Bersikap sopan santun semasa berinteraksi dengan staf pentadbiran baik di dalam kampus mahupun di luar kampus.
- Tidak menjanjikan atau memberikan wang atau apa-apa ganjaran lain kepada staf pentadbiran dengan tujuan untuk mendapatkan keistimewaan dalam berurusan dengan mereka.

3.3 ETIKA DALAM PERHUBUNGAN SESAMA PELAJAR

- Menghormati sesama pelajar tanpa membezakan agama, kaum, status sosial dan tidak didasari atas perasaan suka atau tidak suka
- Bersikap ramah dan sopan santun semasa berinteraksi sesama pelajar baik di dalam kampus mahupun di luar kampus.
- Memiliki solidariti yang kuat dan saling membantu untuk tujuan yang baik dan tidak bertentangan dengan norma hukum atau norma lainnya yang hidup dalam masyarakat.
- Tidak melakukan ancaman/tindakan kekerasan terhadap sesama pelajar.
- Suka membantu pelajar lain yang memerlukan bantuan, baik dari segi pelajaran atau ekonomi.
- Menghormati perbezaan pendapat atau pandangan dengan pelajar lain.
- Tidak mengganggu ketenangan pelajar lain yang sedang mengikuti proses pembelajaran.
- Tidak mengajak atau mempengaruhi pelajar lain untuk melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan Universiti atau tindakan yang tidak terpuji.

3.4 ETIKA DALAM PERHUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT

- Sentiasa menjaga imej dan nama baik Universiti semasa berhubungan dengan masyarakat.
- Melakukan perbuatan yang meninggikan citra baik Universiti dalam kalangan masyarakat.
- Suka menolong masyarakat sesuai ilmu pengetahuan yang dimiliki.
- Menghindari perbuatan yang melanggar norma-norma hidup dalam kalangan masyarakat.
- Mengajak masyarakat berbuat kebaikan.
- Menunjukkan contoh prilaku yang baik kepada masyarakat.





BAHAGIAN 4 **KOD ETIKA RESIDENSI DAN** **NON RESIDENSI**

4.1 ETIKA MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN

- Pelajar perlu menjaga keharmonian dan hubungan baik dengan rakan sebilik dan semua penghuni kolej kediaman.
- Pelajar perlu menjaga adab sopan/tatatertib pergaulan.
- Pelajar perlu sentiasa menjaga kebersihan bilik dan kolej kediaman.
- Pelajar tidak boleh mengganggu atau menyebabkan kesusahan kepada penghuni lain dalam menggunakan kemudahan-kemudahan di kolej kediaman
- Pelajar perlu sentiasa peka dengan penggunaan elektrik dan air agar tidak berlaku pembaziran.
- Pelajar perlu menjaga keselamatan harta benda kolej kediaman.
- Pelajar perlu berpakaian kemas dan sopan semasa berurusan di Pejabat Pentadbiran Kolej Kediaman.

4.2 ETIKA MENGINAP DI RUMAH SEWA

- Mengenal dan sentiasa mempunyai hubungan baik dengan jiran sekeliling kediaman dan teman serumah.
- Pelajar perlu menjaga adab sopan/tatatertib pergaulan agar tidak menimbulkan syak wasangka seperti berdua-duan antara lelaki dan perempuan dalam apa-apa jua situasi.
- Pelajar perlu menjaga kehormatan diri dari segi pakaian dan tidak mendedahkan aurat/ berpakaian yang menjolok mata/ berpakaian kurang sopan.
- Pelajar perlu memelihara ketenteraman dan keharmonian tetangga dan tidak menimbulkan gangguan sama ada bunyi/ suara/ kenderaan.
- Pelajar perlu menghadiri jemputan/ program yang dianjurkan oleh penduduk setempat/ jawatankuasa masjid/ surau dan sebagainya yang dibenarkan.
- Pelajar tidak boleh mengadakan perhimpunan/ perjumpaan yang dilarang atau mendatangkan syak wasangka.
- Pelajar perlu menjadi contoh pelajar yang baik di mata masyarakat dan sentiasa memelihara dan menjaga nama baik UMK sepanjang masa.





BAHAGIAN 5

KOD ETIKA PENAMPILAN PELAJAR

5.1 TATACARA BERPAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

- Rambut pendek dan kemas, tidak melebihi kolar baju, gaya rambut tidak janggal dan tidak diwarnakan.
- Dilarang memakai rantai leher, gelang tangan atau bertindik telinga atau seumpamanya.
- Tidak menyerupai pakaian berlawanan jantina.
- Memakai kemeja atau kemeja T dan berkasut ketika kuliah, peperiksaan, tutorial atau seumpamanya dan ketika berurusan di pejabat-pejabat pentadbiran.

**5.2 TATACARA BERPAKAIAN DAN RUPA DIRI
PELAJAR PEREMPUAN**

1

Berpakaian kemas dan sopan serta tidak menyerupai pakaian berlawanan jantina.

2

Dilarang memakai baju tidak berlengan, ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh.

3

Seluar/ skirt mencecah paras buku lali dan tidak ketat.

4

Hendaklah memastikan rambut diurus dengan kemas dan dilarang mewarnakan rambut dengan warna yang luar biasa.

5

Pelajar perempuan beragama Islam hendaklah berpakaian sopan dan seboleh-bolehnya yang menutup aurat.

6

Pakaian yang menutup muka (purdah/ niqab) adalah dilarang.

7

Memakai kasut atau sandal ketika kuliah, peperiksaan, tutorial atau seumpamanya dan ketika berurusan di pejabat-pejabat pentadbiran.







UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



**Mencipta Peluang
Mencapai Gemilang**

eISBN 978-629-7867-03-8



9 786297 867038